

UNIVERSITI

1970

ALOR SETAR, 26 JUN (BERNAMA) -- PENUBOHAN UNIVERSITI KEBANGSAAN TELAH MENDORONG UNIVERSITI² DAN INSTITUT² PENGAJIAN TINGGI DI-MALAYSIA MEMPERLUASKAN PENGGUNAAN BAHASA MALAYSIA SABAGAI BAHASA PENGANTAR DI-BEBERAPA BIDANG PENGAJIAN MASING².

DEMIKIAN MENURUT PENERUSI JAWATANKUASA PENAJA UNIVERSITI KEBANGSAAN DR. MAHATHIR BIN MOHAMMED HARI INI, DI-DALAM FORUM ANJORAN PERSATUAN BELIA BIMBINGAN ALOR SETAR, YANG MEMBINCHANGKAN MASAALAH DI-MANA UNIVERSITI KEBANGSAAN PATUT DI-DIRIKAN.

PESERTA² LAIN FORUM TERSEBUT IA-LAH ENCHE JAAFAR HASSAN, SA-ORANG PEGUAM YANG JUGA MENJADI AHLI MAJLIS KERJA NEGERI PERLIS DAN ENCHE FARID WAJIDI BIN HAJI SUBKI, SETIAUSAHA PEPEREKSAAN JABATAN PELAJARAN KEDAH.

DR. MAHATHIR BERKATA, IJAZAH² YANG BAKAL DI-PEROLEH OLEH PENUNTUT² UNIVERSITI KEBANGSAAN TIDAK AKAN DI-ANGGAP SABAGAI IJAZAH² KELAS DUA ATAU TIGA, KERANA SEGALA YANG PERLU UNTUK MENJADIKAN UNIVERSITI TERSEBUT SA-TARAF DENGAN UNIVERSITI² LAIN, TELAH DAN SEDANG DI-LAKUKAN. - BERSAMBONG 2040/HS

579:

UNIVERSITI 2 ALOR SETAR

BELIAU BERPENDAPAT BAHAWA UNIVERSITI KEBANGSAAN PATUT DI-DIRIKAN DI-KUALA LUMPUR, TETAPI ENCHE JAAFAR BERPENDAPAT PERLU DI-TEMPATKAN DI-KUANTAN.

ENCHE JAAFAR BERKATA, UNIVERSITI KEBANGSAAN PATUT DI-DIRIKAN DI-KUANTAN UNTUK MEMBERI PERSAIBANGAN DI-BIDANG PELAJARAN TINGGI DI-SELUROH NEGARA.

+KUANTAN LEBEH SESUAI KERANA BANDAR TERSEBUT MASEH MENAMPAKAN KEPERIBADIAN BANGSA YANG ASLI, + KATA-NYA LAGI.

KIRA² 200 ORANG TELAH MENGHADHIRI FORUM YANG MEMAKAN MASA LEBIH DARI TIGA JAM ITU. - BERNAMA 2042/HS